

KENYATAAN MEDIA

SEDANIA meraih satu lagi pengiktirafan antarabangsa

Platform As-Sidq SEDANIA As Salam diiktiraf sebagai Platform Teknologi Terbaik

KUALA LUMPUR (14 September): SEDANIA Innovator Bhd (“SEDANIA”) hari ini mengumumkan bahawa anak syarikat teknologi kewangan (Fintech), SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd (SEDANIA As Salam) telah meraih anugerah ‘*Best Technology Platform in Islamic Banking & Finance 2022*’ (Platform Teknologi Terbaik dalam Perbankan Islam & Kewangan 2022) daripada *Global Islamic Finance Awards* (GIFA), salah satu badan penganugerahan yang paling diiktiraf di dunia dalam perbankan dan kewangan Islam.

Anugerah ini memberi pengiktirafan kepada As-Sidq, platform perdagangan komoditi digital hak milik SEDANIA As Salam yang dipaten, untuk keupayaan yang unik dan rekod prestasi yang kukuh dalam memenuhi keperluan perbankan Islam bagi sektor perkhidmatan kewangan.

Dengan lebih 80 institusi perkhidmatan kewangan sebagai klien dan pinjaman yang diproses melebihi RM50 bilion sehingga kini, platform As-Sidq diiktiraf dan telah berjaya memperkuatkukuhkan kedudukan pasaran strategik untuk berkembang seiring dengan pendigitalan industri perkhidmatan kewangan.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Sedania As Salam Nisa Ismail mengulas, “Kami berbesar hati kerana diiktiraf oleh GIFA, salah satu badan penganugerahan yang paling dihormati dalam industri perkhidmatan perbankan Islam. Dengan anugerah ini, platform As-Sidq telah membuktikan keupayaannya sebagai penyelesaian perbankan digital Malaysia yang telah berjaya memenuhi piawaian antarabangsa bagi memenuhi keperluan operasi perbankan Islam dalam industri perkhidmatan kewangan.”

Tambahan pula, anugerah ini juga membuka jalan kepada platform perdagangan komoditi digital untuk mendapat pengiktirafan global kerana jenis platform digital ini masih dianggap sebagai satu teknologi yang agak baru dalam dunia perbankan Islam dan berpotensi untuk diadaptasikan merentasi pasaran antarabangsa. Anugerah ini juga merupakan pengiktirafan kedua yang berjaya dirangkul oleh As-Sidq tahun ini, membuktikan lagi bahawa penyelesaian perbankan Islam kami adalah inovatif dan mempunyai permintaan yang tinggi.



Pada 23 Jun 2022, SEDANIA As Salam telah berjaya meraih anugerah ‘*The Most Innovative Islamic Trading Platform - Tawarruq 2022*’ (Platform Dagangan Islam Paling Inovatif - Tawarruq 2022) daripada International Finance, majalah perniagaan dan kewangan yang berpangkalan di London. Anugerah ini mengiktiraf kebolehan inovatif platform As-Sidq dalam menyumbang secara positif ke arah pendigitalan industri perkhidmatan kewangan dengan menambah baik kemudahan transaksi pembiayaan Islam.

Mengulas lebih lanjut, Nisa berkata, “Dengan penganugerahan oleh badan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa ini, kami optimis untuk meluaskan pengaruh kami ke pasaran antarabangsa serta memainkan peranan yang lebih penting dalam mempercepatkan penggunaan perbankan digital di Malaysia. Perkongsian terbaru kami dengan Codebase Technologies yang diiktiraf tinggi di pasaran-pasaran global berjaya mengukuhkan keupayaan kami untuk mempercepatkan pendigitalan bank dan penyedia perkhidmatan kewangan di seluruh dunia. Kerjasama ini mempunyai potensi yang tinggi untuk memperkenalkan penyelesaian perbankan digital yang canggih.”

Kerjasama antara Sedania As Salam dan juga penyedia penyelesaian perbankan API terbuka Codebase Technologies yang diumumkan baru-baru ini bertujuan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk pendigitalan di kalangan institusi kewangan. Dengan memanfaatkan sumber masing-masing, pelan jangka panjang itu merangkumi pembangunan platform perbankan Islam digital semua-dalam-satu untuk pelanggan di Malaysia dan juga antarabangsa melalui model langganan sebagai perkhidmatan atau ‘*Subscription as a Service*’ (SaaS), sambil menggunakan keupayaan teknologi teras platform As-Sidq.

Nisa menyimpul, “Masa depan kami kelihatan cerah dan sejahtera dengan misi keseluruhan SEDANIA untuk meningkatkan kehidupan secara lestari. Anugerah terbaru oleh GIFA ini memberikan kepercayaan lebih kukuh kepada reputasi platform dagangan komoditi digital As-Sidq kami yang memangkinkan kelestarian untuk institusi kewangan dari segi membolehkan pencapaian operasi yang lebih optimum dan telus, serta mematuhi prinsip Syariah dengan tegas. Sementara itu, Program Pembiayaan GoHalal kami juga menggalakkan pelestarian dengan meningkatkan rangkuman kewangan kerana program ini telah membantu penyedia perkhidmatan kewangan yang bereputasi memperluaskan akses kepada pembiayaan untuk orang awam.”

Beliau menyatakan bahawa penyelesaian teknologi kewangan Islamik SEDANIA As Salam telah berjaya dipatenkan dan adalah 100% buatan Malaysia. Selain itu, platform As-Sidq yang dikuasakan oleh API diiktiraf tinggi dalam industri perkhidmatan kewangan dan boleh dipertingkatkan lagi melalui kerjasama dengan rakan kongsi teknologi untuk menjadi tersedia secara global dan dibuat khusus untuk pelbagai keperluan berbeza institusi perbankan Islam global.

GIFA merupakan salah satu badan penganugerahan yang terkenal dari segi perbankan dan kewangan Islam di peringkat global. Ia mengiktiraf kerajaan, institusi dan individu yang mempunyai pencapaian cemerlang dalam bidang masing-masing, serta sumbangan kepada kelestarian dan daya maju perbankan dan kewangan Islam di peringkat antarabangsa.

– Tamat –

Mengenai SEDANIA As Salam Capital :

Sedania As Salam Capital Sdn Bhd (SASC), adalah anak syarikat milik penuh Sedania Innovator Berhad, yang menyediakan teknologi untuk memperkasa institusi kewangan dengan penyelesaian fintech Islam.

Secara terasnya, As-Sidq adalah sebuah platform dagangan komoditi digital yang mematuhi Syariah yang memudahkan pembrokeran komoditi digital yang selamat, boleh digunakan secara langsung pada bila-bila masa untuk keperluan institusi kewangan Tawarruq (komoditi murabahah).

Bagi melengkapkan ekosistem fintech Islam kami, satu kolaboratif keupayaan perbankan dan kewangan komposit disediakan bagi membolehkan dan mempercepatkan kesediaan digital institusi kewangan.

Log masuk ke laman web syarikat kami di <https://www.sedaniaassalam.com/> untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pemerkasaan teknologi.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

*Doreenn Leong
Sedania As Salam Capital Sdn Bhd
Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121 620
Emel: media@sedaniainnovator.com*